Volume: 11 Issues: 88 Special Issue [November, 2026] pp. 87-101
Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)
eISSN: 0128-1755
Journal website: academicinspired.com/jised
DOI: 10.55573/JISED.118807

KAJIAN PENDEKATAN GEOGRAFI TERHADAP PENAGRUH FAKTOR SOSIO-FIZIKAL DAN BUKAN FIZIKAL DALAM KEGANASAN RUMAH TANGGA BAGI WANITA BERKAHWIN DI KLANG, SELANGOR

A GEOGRAPHICAL APPROACH TO STUDYING THE INFLUENCE OF SOCIO-PHYSICAL AND NON-PHYSICAL FACTORS ON DOMESTIC VIOLENCE AMONG MARRIED WOMEN IN KLANG, SELANGOR

Medina Eryna [1]
Nor-Ina Binti Kanyo [2] *

[1 2] Fakulti Sains sosial Kemanusiaan, Universiti Malaysia Sabah, 88400, Kota kinabalu, Sabah, Malaysia
*Corresponding author: norina@ums.edu.my

Article history
Received date : 29-9-2026
Revised date : 30-9-2026
Accepted date : 18-8-2026
Published date : 6-11-2026

To cite this document:
Eryna, M., & Kanyo, N. (2026). Kajian pendekatan geografi terhadap pengaruh faktor sosio-fizikal dan bukan fizikal dalam keganasan rumah tangga bagi wanita berkahwin di Klang, Selangor. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development* (JISED), 11 (88), 87-101.

Abstrak: *Fenomena masalah keganasan rumah tangga terhadap wanita merupakan salah satu isu sosial serius berlaku di Malaysia, khususnya di kawasan Klang. Kajian ini bertujuan menganalisis pengaruh faktor sosio-fizikal dan faktor bukan fizikal dari perspektif geografi bagi wanita berkahwin di Klang, Selangor. Penulis memfokuskan kajian terhadap isu yang membabitkan keselamatan dan kesejahteraan hidup wanita dan keberkesanan terhadap bentuk perlindungan yang diterima mangsa untuk menangani isu ini. Kaedah kajian yang dijalankan secara kaedah kualitatif ini dilaksanakan melibatkan 6 wanita sudah berkahwin berumur antara 15 hingga 35 tahun yang tinggal di kawasan Klang, Selangor bagi mengeluarkan tema utama serta sub-sub tema untuk menyokong dapatan kajian. Dapatan kajian turut dianalisis menunjukkan bahawa faktor sosio-fizikal dan bukan fizikal serta perlindungan sedia ada memainkan peranan penting dalam memperkukuh keselamatan dan membantu proses pemulihan mangsa. Hasil kajian ini diharapkan mampu membantu pihak berkuasa dan organisasi terlibat bagi merancang strategi perlindungan lebih efektif membanteras kejadian jenayah keganasan ini daripada berterusan. Kajian ini turut menyumbang kepada pengukuhan teori dan perlindungan sedia ada serta menambah khazanah ilmiah berkaitan aspek keganasan rumah tangga dalam konteks geografi manusia di Malaysia.*

Kata kunci: *Pengaruh faktor sosio-fizikal, keganasan rumah tangga, perlindungan, wanita.*

Abstract: *The phenomenon of domestic violence against women is one of the serious social issues occurring in Malaysia, especially in the Klang area. This study aims to analyze the influence of socio-physical and non-physical factors from a geographical perspective for married women in Klang, Selangor. The author focuses on the study on issues involving the*

Copyright © Academic Inspired Network - All rights reserved

This work is licensed under CC BY 4.0

Volume: 11 Issues: 88 Special Issue [November, 2026] pp. 87-101
Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)
eISSN: 0128-1755
Journal website: academicinspired.com/jised
DOI: 10.55573/JISED.118807

safety and well-being of women and the effectiveness of the forms of protection received by victims to address this issue. The study method, which is conducted using a qualitative method, was implemented involving 6 married women aged between 15 and 35 years old who live in the Klang area, Selangor to extract the main theme and sub-themes to support the study findings. The study findings were also analyzed to show that socio-physical and non-physical factors as well as existing protection play an important role in strengthening safety and assisting the recovery process of victims. The results of this study are expected to be able to help the authorities and organizations involved to plan more effective protection strategies to combat this violent crime from continuing. This study also contributes to strengthening existing theories and protection as well as adding to the scholarly treasures related to aspects of domestic violence in the context of human geography in Malaysia.

Keywords: *Influence of socio-physical, domestic violence, married women.*

Pengenalan

Jenayah kes keganasan rumah tangga yang semakin berleluasa bukanlah isu baru dimana-mana negara seluruh dunia. Malaysia sendiri menerima masalah paling ketara meningkat di mana kadar jenayah kecenderungan mangsanya paling banyak terlibat adalah golongan wanita yang sudah berkahwin. Kenyataan masalah ini turut disokong dalam penulisan kajian Margolfo, (2021) mengatakan kes keganasan rumah tangga melibatkan wanita berkahwin seluruh dunia termasuk Malaysia tersenarai, Mukundan (2021). Dalam analisis kenyataan Pertubuhan kesihatan Sedunia (WHO) turut menganggarkan bahawa lebih kurang 35 peratus wanita di seluruh dunia pernah berpengalaman mengalami keganasan rumah tangga sama ada didera oleh pelaku dalam aspek penderaan terhadap fizikal, emosi, psikologi dan seksual. Melalui pembuktian kes keganasan yang menimpa wanita menjadi isu global turut dijelaskan dalam Laporan statistik World Health Organization (2025) yang memaparkan bahawa peratusan keganasan terhadap wanita yang banyak mengalami penderaan terutamanya penderaan fizikal dan seksual. Laporan itu turut menunjukkan Asia Tenggara telah mencatat jumlah peratusan paling tertinggi iaitu sebanyak 37.7%. Keadaan ini memperlihatkan perlunya tindakan segera dan berkesan membendung isu ini secara menyeluruh.

Kewujudan jenayah keganasan rumah tangga ini kerap berlaku di seluruh dunia khususnya peningkatan kes keganasan yang terdapat di Malaysia. Perkembangan terkini bilangan kes mengikut peredaran masa menunjukkan Negeri Selangor mencatatkan jumlah tertinggi di kedudukan pertama iaitu sebanyak 1700 kes, tahun 2025, tempat kedua tertinggi kes iaitu Perak sebanyak 1000 kes dan ketiga di Johor sebanyak 900 kes dilaporkan berdasarkan sumber daripada (Jabatan Kebajikan Malaysia, 2025) seperti dipaparkan dalam Rajah 1.1. Keganasan ini meningkat dan ianya merupakan fenomena global berlaku kesan daripada kes-kes keganasan rumah tangga yang dilaporkan terutamanya di negeri Selangor mencatat peningkatan berbanding negeri lain di Malaysia.

Copyright © Academic Inspired Network - All rights reserved

This work is licensed under CC BY 4.0

Volume: 11 Issues: 88 Special Issue [November, 2026] pp. 87-101
Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)
eISSN: 0128-1755
Journal website: academicinspired.com/jised
DOI: 10.55573/JISED.118807



Rajah 1: Bilangan kes mengikut negeri tahun 2025
Sumber: Jabatan Kebajikan Malaysia, 2025

Berdasarkan pendekatan Geografi turut melihat isu keganasan rumah tangga bukan sekadar masalah sosial di dalam rumah. Hal ini kerana keganasan rumah tangga juga berhubung dengan ruang, lokasi, mobiliti, dan aksesibiliti. Menurut Ahmad, Amin & Mohd Yosef, (2023), kediaman yang sepatutnya menjadi tempat selamat boleh berubah menjadi tempat tidak aman bagi wanita yang mengalami masalah ini. Jarak kediaman dengan kemudahan perlindungan, ketersediaan pengangkutan, hubungan kejiranan, jaringan sosial, dan pengetahuan tentang perkhidmatan bantuan turut mempengaruhi kemampuan wanita untuk mendapatkan perlindungan, Mohd Zawawi (2023). Keadaan ini menunjukkan risiko bagi wanita meningkat apabila ruang tidak selamat.

Permasalahan kajian ini harus dilihat dengan lebih serius kerana kebanyakan kajian lepas penyelidikan terdahulu lebih menumpukan kepada aspek pengetahuan dan kesedaran berkaitan keganasan rumah tangga seperti yang terdapat dalam kajian lepas oleh Noor Asisah, Nabisah (2022) banyak meneliti tentang kepekaan dan tahap pengetahuan mahasiswa sahaja. Seterusnya, kajian lepas oleh Masarah (2017) turut mengkaji tentang pengalaman wanita Melayu tetapi tidak meneliti secara khusus pengaruh perubahan situasi geografi sosial dan bentuk perlindungan terhadap wanita mengalami keganasan dalam konteks semasa.

Di samping itu, kajian terdahulu kurang memberi perhatian terhadap perubahan keadaan dalam aspek geografi sosial dan persekitaran yang berlaku selepas pandemik COVID-19, sedangkan ianya banyak memberi implikasi terhadap hubungan kekeluargaan, tekanan ekonomi, mobiliti penduduk serta akses wanita kepada perkhidmatan perlindungan sedia ada. Oleh itu, terdapat kekurangan kajian yang meneliti bagaimana perubahan geografi sosial mempengaruhi pengalaman keganasan rumah tangga dan keberkesanan perlindungan yang diterima oleh wanita berkahwin.

Seterusnya, melalui pembacaan pengkaji terhadap kajian-kajian lepas juga didapati kurang memberi penekanan kepada analisis yang menyeluruh mengenai interaksi antara perlindungan

Copyright © Academic Inspired Network - All rights reserved

This work is licensed under CC BY 4.0

Volume: 11 Issues: 88 Special Issue [November, 2026] pp. 87-101
Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)
eISSN: 0128-1755
Journal website: academicinspired.com/jised
DOI: 10.55573/JISED.118807

fizikal dan perlindungan bukan fizikal kepada golongan wanita. Kebanyakan kajian lepas meneliti kedua-dua aspek tersebut secara berasingan, sedangkan keberkesanan perlindungan bergantung kepada hubungan dan pelaksanaan kedua-duanya secara serentak. (Jabatan Kebajikan Masyarakat, 2022) walaupun terdapat banyak perlindungan lain boleh dituntut dan membawa peningkatan kes masih berlaku. Perkara ini mewujudkan jurang pengetahuan mengenai bentuk perlindungan yang benar-benar berkesan dalam memenuhi keperluan mangsa. Berdasarkan kekurangan dan keperluan tersebut, kajian ini dijalankan bagi mengisi jurang penyelidikan sedia ada dengan meneliti pendekatan geografi terhadap faktor sosio-fizikal dan bukan fizikal terhadap pengalaman keganasan rumah tangga serta menilai keberkesanan perlindungan dalam kalangan wanita berkahwin di Klang, Selangor. Kajian ini turut berfokus kepada jurang geografi dimana ianya tidak memberi tumpuan khusus kepada kawasan Klang, Selangor dan terdapat kekurangan bukti empirikal kajian lepas mengenai pendekatan geografi diaplikasikan serta keberkesanan perlindungan dalam konteks masyarakat dan persekitaran setempat di Klang. Jurang penyelidikan kajian ini seterusnya dalam aspek metodologi kerana kajian lepas banyak menggunakan pendekatan kuantitatif berbanding kualitatif untuk meneroka secara mendalam pengalaman wanita berkahwin, pengaruh geografi sosial serta keberkesanan perlindungan fizikal dan bukan fizikal masih terhad. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif bagi memperoleh pemahaman yang lebih mendalam terhadap isu tersebut. Oleh itu, Kajian ini juga diharapkan mampu menyumbang kepada pengurangan jenayah, penambahbaikan perkhidmatan perlindungan serta memperkukuh strategi intervensi yang lebih sistematik terhadap keperluan wanita dan pihak berkepentingan berdasarkan konteks geografi sosial setempat.

Sorotan Karya

Berdasarkan kepada kajian lepas oleh Yi-Fu Tuan (1977) menjelaskan ruang dan tempat sebagai dua konsep utama dalam geografi sosial. Ruang di definisi sebagai kawasan tempat manusia beraktiviti. Tempat pula bermaksud ruang yang banyak mewujudkan pengalaman, interaksi, dan kehidupan sehari-hari. Oleh itu, setiap orang merasakan tempat secara berbeza, bergantung kepada latar belakang sosial, budaya, dan lingkungan individu. Dalam kajiankeganasan rumah tangga ini, pengalaman wanita tentang rumah, kejiranan, dan komuniti tidak hanya melibatkan lokasi fizikal. Hubungan sosial, tahap keselamatan, dan akses kepada bantuan turut mempengaruhi pengalaman wanita tentang rumah, kejiranan, dan komuniti. Persepsi wanita tentang persekitaran juga memberi kesan kepada pengalaman wanita dalam isu keganasan yang sering berlaku di rumah, kejiranan, dan komuniti.

Geografi jenayah didefinisikan sebagai cara untuk melihat bagaimana faktor sosio-fizikal dan faktor bukan fizikal dalam ruang mempengaruhi keganasan rumah tangga terhadap wanita berkahwin di Klang, Selangor. Geografi jenayah membantu penyelidik berpeluang mengkaji hubungan antara ciri kawasan kediaman, persekitaran bandar, struktur komuniti, serta faktor sosial seperti tekanan ekonomi, pendidikan, dan sokongan sosial. Geografi jenayah menghubungkan faktor-faktor itu dengan pengalaman keganasan rumah tangga responden. Jadi, geografi jenayah menjadi aspek penting untuk menjelaskan fenomena keganasan rumah tangga. Keganasan rumah tangga tidak hanya berpunca dari tingkah laku individu tetapi dipengaruhi oleh konteks ruang dan persekitaran geografi.

Sehubungan dengan itu, dalam konteks Malaysia mengenai keganasan turut ada dinyatakan dalam kajian Mariny, Sabasiah, Azizul, (2016) menjelaskan keganasan rumah tangga ialah insiden di mana seseorang pasangan, bekas pasangan atau ahli keluarga yang bertindak mengawal dan mendominasi seseorang individu dengan melakukan perbuatan paksa dan

Copyright © Academic Inspired Network
- All rights reserved

This work is licensed under
CC BY 4.0

Volume: 11 Issues: 88 Special Issue [November, 2026] pp. 87-101
Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)
eISSN: 0128-1755
Journal website: academicinspired.com/jised
DOI: 10.55573/JISED.118807

penindasan dari sudut fizikal, emosi, psikologikal, sosial dan kewangan. Oleh itu, keganasan boleh dianggap sebagai tindakan pelaku mengawal dan memaksa mangsa sehingga bertindak tanpa unsur berperikemanusiaan serta mangsa kecenderungan hidupnya menderita dan tidak mampu berbuat apa- apa.

Menurut kajian lepas oleh Beyer et al. (2013) telah melakukan kajian khusus tentang ciri persekitaran kejiranan yang berkaitan dengan keganasan pasangan intim yang berakhir dengan kematian. Hal ini kerana kajian tersebut mendapati konteks kediaman berbeza antara kawasan bandar dan luar bandar. Kajian tersebut menekankan pentingnya memahami perbezaan konteks geografi dan persekitaran tempat dalam kajian keganasan rumah tangga. Dapatan dalam kajian tersebut menunjukkan keganasan tidak selalu memberi pengalaman yang sama bagi wanita yang tinggal di lokasi geografi yang berbeza. Dalam kajian ini, persekitaran tempat merujuk kepada keadaan fizikal dan sosial yang mempengaruhi keganasan rumah tangga di sekitar kediaman wanita.

Ruang adalah aspek penyelidikan utama dalam Geografi. Hal ini kerana ianya membantu menganalisis fenomena berdasarkan lokasi, jarak, kedudukan, dan hubungan antara tempat. Dalam konteks keganasan rumah tangga, ruang berfungsi sebagai dimensi yang menghubungkan rumah wanita dengan ruang perlindungan, perkhidmatan, dan kemudahan yang diperlukan. Oleh itu, konsep ruang penting untuk menilai wanita mempunyai peluang cukup untuk berpindah dari ruang yang tidak selamat ke ruang yang lebih selamat iaitu akses kepada tempat perlindungan.

Menurut kajian oleh Freer (2022) telah menunjukkan bukti jelas tentang pentingnya dimensi ruang dalam keganasan rumah tangga. Kajian penyelidikan tersebut banyak menganalisis hubungan spatial antara mangsa keganasan rumah tangga dengan lokasi pusat perlindungan di luar negara. Dapatan kajian turut memperlihatkan ketidakpadanan antara lokasi keperluan mangsa dan taburan lokasi perkhidmatan perlindungan. Justeru itu, kajian tersebut menegaskan bahwa analisis spatial penting untuk memahami aksesibiliti mangsa ke perkhidmatan perlindungan dan memastikan lokasi perkhidmatan sesuai dengan keperluan kawasan yang selamat.

Menurut hasil kajian (Siti Nurzulaikha & Syahdan, 2022) mengenai faktor keganasan ini berterusan berlaku turut ada diperjelaskan dalam kajiannya bertajuk Pemetaan perjalanan wanita dalam mendapatkan perlindungan daripada keganasan rumah tangga di Malaysia menjelaskan bahawa dapatan mendapati punca paling dominan menyebabkan keganasan berlaku kebanyakan disebabkan pengurusan kes keganasan rumah tangga oleh staf yang tidak mahir dan tidak mempunyai pengetahuan tentang cara menguruskan kes keganasan rumah tangga memberikan impak yang besar dalam usaha membanteras kes keganasan rumah tangga. Dapatan kajian mereka turut menghujahkan berkaitan sikap prejudis dalam kalangan staf hospital semasa pengenalpastian dan pengurusan keganasan rumah tangga berkemungkinan berkaitan dengan kekurangan pengetahuan dan nilai peribadi yang tidak sesuai dalam mengendalikan kes keganasan rumah tangga. Kekurangan pengetahuan dan sikap prejudis menyebabkan wanita berasa khuatir untuk melakukan penyelesaian masalah tersebut kerana ianya turut mempengaruhi kehidupannya lebih menderita disebabkan malu berhadapan dengan masyarakat. Situasi ini memburukkan lagi keadaan mangsa disebabkan tindakan sambil lewa oleh staf yang bertanggungjawab dan ini boleh menyebabkan emosi mereka bangkit.

Copyright © Academic Inspired Network
- All rights reserved

This work is licensed under
CC BY 4.0

Volume: 11 Issues: 88 Special Issue [November, 2026] pp. 87-101
Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)
eISSN: 0128-1755
Journal website: academicinspired.com/jised
DOI: 10.55573/JISED.118807

Hubungan kajian-kajian lepas selanjutnya untuk perlindungan dalam mengurangkan keganasan rumah tangga ini agar dapat dikurangkan iaitu sentiasa meningkatkan kesedaran dan pemahaman masyarakat tentang keganasan rumah tangga, memerangi normalisasi keganasan rumah tangga serta mengatasi stigma mangsa yang terselamat, meningkatkan pengetahuan orang ramai dalam kalangan masyarakat terutamanya wanita berkahwin mengenai isu keganasan rumah tangga (Muhaimin, 2022). Selain itu, inisiatif dan sokongan dari semua pihak yang bertanggungjawab terutamanya dari pihak media dan pekerja sosial untuk mempromosikan hak-hak asasi manusia, perubahan dalam dasar dan perundangan dan kesamaan jantina bagi mendorong wanita terus bangkit dan terhindar dari masalah ini. Kajian atau penyelidikan ini penting dalam menyedarkan masyarakat tentang bahayanya keganasan rumah tangga ini kepada seluruh masyarakat. Hal Ini kerana, media sosial juga berperanan penting dalam membina pandangan masyarakat yang lebih luas (Ahmad Muttaqin, 2020). Justeru itu, isu keganasan rumah tangga dapat dikurangkan dan masyarakat terutamanya wanita atau mangsa tidak lagi takut untuk berdepan dengan masalah keganasan rumah tangga.

Metodologi

Kaedah pengumpulan data

Kajian menggunakan pendekatan kualitatif melalui temu bual semi struktur bagi mengenalpasti faktor persekitaran sosio-fizikal serta faktor bukan fizikal dan keberkesanan perlindungan terhadap isu keganasan rumah tangga. Temu bual semi struktur dipilih kerana merupakan kaedah bersesuaian bagi mendapatkan data untuk menjawab objektif kajian yang ingin dicapai. Terdapat beberapa soalan utama telah dibina untuk mendapatkan maklum balas daripada informan kajian. Dengan adanya kaedah temu bual semi berstruktur terdapat beberapa soalan utama berkaitan faktor persekitaran sosial seperti, pernahkah terdapat unsur campur orang luar yang mencetuskan konflik rumah tangga, adakah tekanan sosial menyebabkan sukar untuk keluar daripada hubungan ganas, apakah cabaran sosial paling kuat dihadapi semasa mengalami keganasan manakala terdapat untuk soalan bagi menganalisis keberkesanan perlindungan fizikal dan bukan fizikal seperti, sejauh mana keselamatan fizikal puan terjamin selepas perlindungan diberikan, bagaimanakah tindakan pihak berkuasa seperti polis dan pihak hospital semasa puan buat laporan dan apakah perlindungan fizikal dan bukan fizikal cukup membantu daripada keganasan terus berulang. Kaedah pendekatan dijalankan secara kualitatif membolehkan pengkaji dapat memperolehi maklumat yang diinginkan daripada mangsa secara terus dan adanya kesahihan maklumat tersebut dapat meningkatkan pemahaman terhadap kajian yang ingin difahami secara mendalam.

Kaedah Persampelan

Kaedah persampelan bertujuan diperlukan untuk mendapatkan informan kajian. Ciri-ciri khusus dikehendaki iaitu Populasi sasaran untuk kajian ini adalah wanita yang sudah berkahwin dan berumur antara 15 hingga 35 tahun yang tinggal di daerah Klang. Mereka haruslah pernah mengalami atau sedang mengalami keganasan rumah tangga dalam pelbagai bentuk, termasuk fizikal, emosi, dan psikologi. Saiz sampel yang digunakan adalah seramai 6 orang responden. Pengkaji turut menggunakan kaedah persampelan bertujuan iaitu dengan memilih responden yang terdiri daripada kriteria yang ditetapkan penyelidik sendiri iaitu wanita sudah berkahwin tinggal di Klang dan sudi berkongsi masalah keganasan yang pernah dialami. Penggunaan persampelan bertujuan adalah untuk membolehkan pengkaji menentukan responden yang bersesuaian dengan tujuan kajian penyelidik sendiri.

Copyright © Academic Inspired Network
- All rights reserved

This work is licensed under
CC BY 4.0

Volume: 11 Issues: 88 Special Issue [November, 2026] pp. 87-101
Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)
eISSN: 0128-1755
Journal website: academicinspired.com/jised
DOI: 10.55573/JISED.118807

Kaedah memproses dan analisis data

Temu bual yang dijalankan bersama peserta bagi kajian ini telah direkod dengan rakaman suara melalui google meet. Penyelidik juga terus merekod perbualan dengan mencatat segala isi penting temu bual bagi memudahkan proses transkripsi data rakaman. Kemudian, penyelidik membuat transkripsi bagi rakaman tersebut. Berdasarkan pernyataan kajian oleh (othman, 2014) menjelaskan dengan membuat transkrip rakaman temu bual merupakan salah satu pangkalan data yang baik.

Bagi analisis tematik penyelidik telah mendapatkan data dan dianalisis menggunakan kaedah analisis tematik. Kaedah yang digunakan ini adalah untuk mengenal pasti, menganalisis serta melaporkan pola (tema) dalam data sedia ada (Braun & Clarke, 2006). Kaedah analisis ini terdiri daripada tujuh peringkat berkaitan;

Fasa pertama adalah penyelidik telah membentuk beberapa kod bagi data yang telah dikumpul dengan kadar segera. Hal ini bertujuan untuk menjelaskan lagi pemahaman ke atas data yang diperolehi serta membantu dalam persampelan teoritikal.

Fasa kedua selanjutnya adalah membaca transkrip temu bual, nota catatan isi perbualan, dokumen awal yang diperolehi dan mencatatkan beberapa nota umum tentang perkara yang penting, menarik dan signifikan dengan kajian. Pengkaji turut memindahkan rakaman ke format teks menggunakan transkripsi automatik seperti Google Docs voice typing bagi mempercepatkan proses.

Fasa ketiga pula penyelidik telah membaca semula data dan membuat nota tentang kenyataan-kenyataan yang signifikan dengan topik temu bual. Pada fasa ini juga, pengkaji turut membuat nota sebanyak yang diperlukan. Kandungan bagi nota tersebut terdiri daripada perkara yang digunakan oleh responden sendiri serta label yang dicipta oleh penyelidik sendiri serta adanya tema yang diperolehi dari data tersebut.

Fasa keempat ialah penyelidik melakukan semakan semula kod-kod yang telah dibentuk bagi menentukan kesesuaian dengan data yang telah dikumpul serta bahan kajian lepas yang ada membantu. Bagi fasa ini, pengkaji turut membuat penelitian hubungan konsep dan kategori yang telah dibentuk serta dikaitkan dengan kajian lepas.

Setelah selesai pengekodan, pengkaji melalui proses kelima iaitu penyelidik menganalisis topik yang memiliki pernyataan yang jelas dan terbaik untuk dikelaskan dalam kategori-kategori tertentu. Seterusnya pada peringkat keenam pengkaji boleh membuat keputusan bagi setiap kategori dan dijadikan untuk huruf-huruf tertentu. Akhir sekali, proses ketujuh pengkaji telah mengumpul data berdasarkan kategori-kategori dan menganalisis data selanjutnya dengan terperinci. Merujuk kepada kajian ini, penyelidik berpendapat bahawa analisis tematik secara manual lebih mudah dilakukan kerana pemahaman terhadap hasil kajian sendiri lebih jelas. Oleh itu, analisis tematik digunakan penyelidik adalah kaedah analisis secara manual.

Copyright © Academic Inspired Network - All rights reserved

This work is licensed under CC BY 4.0

Volume: 11 Issues: 88 Special Issue [November, 2026] pp. 87-101
Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)
eISSN: 0128-1755
Journal website: academicinspired.com/jised
DOI: 10.55573/JISED.118807

Hasil Dan Perbincangan

Profil informan

Sepertimana yang telah dinyatakan sebelum ini, terdapat empat orang informan mewakili mangsa dari kawasan Klang sebagai responden. Jadual 2 menunjukkan keterangan mengenai kesemua informan kajian.

Jadual 2: Profil Informan


Informan	Umur (Tahun)	Status perkahwinan	Pendidikan	Pekerjaan
Informan 1	21	Bercerai	SPM	Swasta persendirian
Informan 2	25	Bercerai	SPM	Bekerja sendiri
Informan 3	29	Berkahwin	STPM	Suri Rumah
Informan 4	32	Berkahwin	Ijazah Sarjana Muda Perniagaan	Swasta Persendirian
Informan 5	28	Berkahwin	SPM	Suri Rumah
Informan 6	31	Bercerai	STPM	Suri Rumah

Berdasarkan Jadual 2, kesemua informan merupakan masyarakat yang tinggal di Klang dan terdiri daripada kelompok umur di antara 21 tahun hingga 32 tahun. Status perkahwinan menunjukkan informan 1, 2 dan 6 memiliki status bercerai dan informan 3, 4 dan 5 memiliki status masih dalam fasa perkahwinan. Tahap pendidikan yang dimiliki informan pertama dan kedua serta kelima adalah di peringkat SPM, informan 3 dan 6 pula memiliki pendidikan tinggi sampai STPM manakala Informan 4 memiliki pendidikan tinggi iaitu Ijazah Sarjana Muda Perniagaan. Bagi pekerjaan pula, dua informan bekerja di bawah swasta persendirian, informan 3, 5 dan 6 bekerja sebagai suri rumah dan informan 2 bekerja sendiri.

Faktor sosio-fizikal mempengaruhi keganasan rumah tangga

Terdapat pelbagai faktor yang menyumbang kepada berlakunya jenayah keganasan rumah tangga di Klang terutamanya. Faktor-faktor tersebut diperincikan seperti Rajah 2 di bawah

Rajah 3: Faktor sosio-fizikal mendorong jenayah keganasan rumah tangga



Copyright © Academic Inspired Network
- All rights reserved

This work is licensed under
CC BY 4.0

Volume: 11 Issues: 88 Special Issue [November, 2026] pp. 87-101
Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)
eISSN: 0128-1755
Journal website: academicinspired.com/jised
DOI: 10.55573/JISED.118807

Berdasarkan Rajah 3, terdapat empat faktor utama yang dikenalpasti iaitu persekitaran fizikal tempat tinggal, pengangkutan dan mobiliti, keadaan kejiranan dan komuniti serta ruang kediaman dan keselamatan. Bagi kenyataan mengenai persekitaran fizikal tempat tinggal merupakan pendorong berlakunya jenayah keganasan rumah tangga. Hal ini menunjukkan bahawa faktor persekitaran fizikal tempat tinggal memang ada kaitan dengan pengalaman responden keluar daripada keganasan rumah tangga. Walaupun lokasi dan keadaan rumah berbeza, responden kebanyakannya menyatakan faktor kepadatan kawasan, pencahayaan, kedudukan rumah, jarak dari jalan utama, dan tahap interaksi dengan jiran mempengaruhi rasa selamat serta keupayaan mereka mendapatkan bantuan. Mereka rasa lebih selamat bila rumah berada dekat jalan utama dan bila jiran mudah dihubungi. Selain itu, berdasarkan kajian Beyer et al. (2023) turut menyatakan pernyataan sama dimana struktur fizikal bandar dan jaringan perkhidmatan di sesebuah tempat amat mempengaruhi keputusan individu. Pernyataan ini disokong oleh kenyataan informan:

> "Bagi saya, kawasan tempat tinggal memang ada pengaruh terhadap pengalaman saya. Saya tinggal di kawasan perumahan yang agak padat dan rumah kami berdekatan antara satu sama lain. Walaupun begitu, kebanyakan jiran tidak begitu mengenali antara satu sama lain. Apabila berlaku pertengkaran antara saya dengan suami di rumah, saya tidak berani keluar meminta bantuan kerana saya risau dan malu berkongsi dengan jiran akan mengetahui masalah keluarga saya. Pada waktu malam pula, keadaan di kawasan rumah agak sunyi dan tidak ramai orang berada di luar. Jadi, saya berasa kurang yakin untuk keluar seorang diri apabila berlaku masalah. Saya rasa dengan keadaan persekitaran seperti ini menyebabkan saya malu dan lebih banyak bergantung kepada ahli keluarga untuk mendapatkan bantuan atau meluah". (Informan 1)

> "Pendapat saya lokasi tempat tinggal saya mempengaruhi keadaan saya apabila berlaku masalah di rumah. Rumah saya berada di kawasan yang agak jauh dari kemudahan tertentu dan saya tidak mempunyai banyak pilihan untuk keluar dengan segera. Keadaan ini membuatkan saya berasa terperangkap apabila berlaku pergaduhan. Saya fikir kalau seseorang tinggal di kawasan yang lebih dekat dengan kemudahan awam atau mempunyai jiran yang saling mengenali, mungkin lebih mudah untuk mendapatkan pertolongan"(Informan 2)

Pengangkutan dan mobiliti juga menjadi pencetus keganasan kerana ianya mempengaruhi keputusan individu sukar bertindak. Hasil temu bual mendapati responden yang mempunyai kenderaan sendiri mempunyai tahap mobiliti yang lebih tinggi berbanding responden yang bergantung kepada pasangan, ahli keluarga atau pengangkutan awam. Keadaan ini menunjukkan bahawa kedudukan geografi sesuatu kemudahan sahaja tidak mencukupi untuk menentukan tahap aksesibiliti tetapi faktor mobiliti individu sangat mempengaruhi dan turut memainkan peranan penting. Berdasarkan kajian oleh Freer (2022) menjelaskan perlindungan untuk wanita yang mengalami keganasan rumah tangga tidak hanya bergantung kepada perkhidmatan maklumat sepenuhnya tetapi juga seberapa mudah perkhidmatan pengangkutan dan mobiliti itu dapat diakses dengan mudah dan membantu dengan keadaan segera. Menurut informan:

> "Menjawab kepada persoalan berikut dimana saya tidak mempunyai kenderaan sendiri dan kebiasaannya bergantung kepada suami atau keluarga untuk bergerak. Keadaan ini menjadi masalah apabila saya perlu keluar secara tiba-tiba. Saya tidak

Copyright © Academic Inspired Network
- All rights reserved

This work is licensed under
CC BY 4.0

Volume: 11 Issues: 88 Special Issue [November, 2026] pp. 87-101
Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)
eISSN: 0128-1755
Journal website: academicinspired.com/jised
DOI: 10.55573/JISED.118807

> boleh bergantung kepada suami untuk menghantar saya kerana masalah yang berlaku adalah melibatkan beliau. Jadi, saya perlu menunggu ahli keluarga atau mencari cara lain untuk keluar. Pada saya, pengangkutan sangat penting kerana tanpa pengangkutan, walaupun kita tahu tempat yang hendak dituju, kita mungkin tidak dapat sampai ke sana". (Informan 2)

> "Kalau keadaan saya miss..Saya bergantung kepada pengangkutan awam sebab tiada lesen lagi dan kadang-kadang naik kenderaan dengan bantuan keluarga. Pada waktu siang mungkin lebih mudah untuk bergerak, tetapi pada waktu malam saya berasa kurang selamat. Tambahan pula, kalau berlaku sesuatu secara tiba-tiba, saya tidak semestinya boleh mendapatkan pengangkutan dengan cepat. Keadaan ini menyebabkan saya kadang-kadang memilih untuk tidak keluar walaupun saya tahu saya memerlukan bantuan". (Informan 4)

Seterusnya, hubungan kejiranan merupakan komponen penting dalam faktor sosio-fizikal bagi kajian ini. Responden yang mempunyai hubungan sosial yang lebih kukuh dengan jiran menunjukkan kecenderungan untuk mempunyai saluran sokongan yang lebih luas. Sebaliknya, kawasan yang mempunyai hubungan kejiranan yang renggang boleh menyebabkan wanita yang mengalami keganasan merasa terasing dan tidak mempunyai sokongan segera yang boleh membantu. Sokongan sosial daripada kejiranan dan komuniti sekeliling memainkan peranan yang sangat penting dalam membentuk tingkah laku individu, terutamanya dalam konteks kejadian keganasan (Nur Arifah, 2022). Apabila individu merasa diterima dan disokong oleh rakan-rakan mereka, mereka cenderung untuk menghindari tingkah laku negatif, termasuk keganasan, kerana mereka ingin mengekalkan hubungan positif dan status dalam kumpulan sosial mereka. Kenyataan tersebut disokong oleh penyataan informan seperti berikut:

> "Kalau mengenai hubungan dengan jiran dan komuniti.. saya tidak begitu rapat dengan jiran. Kami hanya bertegur sapa apabila berjumpa. Saya tidak pernah berkongsi masalah rumah tangga kerana saya takut perkara itu akan tersebar. Walaupun jiran tinggal berdekatan, saya tidak merasakan mereka sebagai tempat yang boleh saya minta bantuan. Jadi, pada saya, jarak yang dekat tidak semestinya bermaksud seseorang itu mempunyai sokongan sosial yang dekat". (Informan 6)

> "Pada pendapat saya sendiri mungkin tidak sama dengan orang lain kerana saya beranggapan kebanyakan orang sibuk dengan kehidupan masing-masing. Walaupun rumah berdekatan, hubungan antara jiran tidak begitu rapat. Saya rasa perkara ini menyebabkan masalah yang berlaku dalam rumah sukar diketahui. Pada masa yang sama, saya sendiri tidak pasti sama ada jiran akan membantu atau tidak sekiranya saya meminta pertolongan kerana saya sangat menekankan pentingnya dalam memilih rakan di antara sesebuah komuniti yang memberi impak positif kerana ada sejenis yang suka sebarkan cerita tidak betul tentang kita". (Informan 5)

Bagi pernyataan ruang kediaman mempengaruhi keselamatan boleh menyebabkan kejadian keganasan rumah tangga boleh berlaku. Rumah yang secara umum dianggap sebagai ruang perlindungan kepada wanita boleh berubah menjadi ruang yang tidak selamat apabila berlaku kekerasan rumah tangga. Faktor seperti keterasingan ruang domestik, susun atur rumah dan hubungan sosial dalam keluarga mempengaruhi keupayaan wanita untuk mendapatkan bantuan dengan segera. Dapatan ini mengukuhkan pendekatan geografi sosial yang melihat ruang bukan sekadar lokasi fizikal, tetapi sebagai ruang yang dibentuk melalui hubungan sosial dan

Copyright © Academic Inspired Network
- All rights reserved

This work is licensed under
CC BY 4.0


Volume: 11 Issues: 88 Special Issue [November, 2026] pp. 87-101
Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)
eISSN: 0128-1755
Journal website: academicinspired.com/jised
DOI: 10.55573/JISED.118807

pengalaman manusia. Menurut kajian pengkaji lepas Freer (2022) turut menyokong di mana ianya menyatakan bahawa lokasi dan sebaran ruang dapat mempengaruhi peluang individu dalam mendapatkan bantuan lebih terperinci. Berikut kenyataan responden:

> "Kalau pendapat saya miss berkaitan ini..Rumah bagi saya sepatutnya menjadi tempat yang selamat, tetapi apabila berlaku keganasan, saya tidak lagi merasakan rumah sebagai tempat yang selamat. Kebanyakan perkara berlaku di dalam rumah dan orang luar tidak mengetahuinya. Saya rasa ruang rumah yang tertutup menyebabkan saya lebih sukar mendapatkan bantuan kerana orang lain tidak nampak apa yang berlaku". (Informan 6)

> "Baik miss, menjawab kepada persoalan saya berkongsi pengalaman Saya sendiri di mana saya tinggal di rumah yang mempunyai ruang yang agak kecil. Apabila berlaku pertengkaran, saya rasa sukar untuk menjauhkan diri atau mencari ruang yang lebih selamat. Saya juga bimbang keadaan akan menjadi lebih teruk jika saya keluar rumah. Jadi, ruang fizikal rumah sebenarnya mempengaruhi cara saya bertindak ketika berhadapan dengan masalah". (Informan 3)

Rajah 4:Faktor bukan fizikal pencetus kepada keganasan rumah tangga



Berdasarkan Rajah 4, terdapat banyak faktor bukan fizikal yang mempengaruhi masalah keganasan ini. Bagi pernyataan faktor ekonomi dan kewangan didapati mempunyai pengaruh terhadap pengalaman keganasan rumah tangga dalam kalangan responden. Majoriti responden mengaitkan tekanan kewangan, ketidakstabilan pendapatan dan kebergantungan ekonomi dengan konflik dalam rumah tangga saling berkait rapat. Selain itu, kebergantungan kewangan terhadap pasangan turut mempengaruhi kebebasan wanita untuk bebas membuat keputusan serta mendapatkan perlindungan. Dapatan ini menunjukkan bahawa faktor ekonomi bukan sahaja berperanan sebagai faktor yang boleh meningkatkan tekanan dalam hubungan rumah tangga, malah turut mempengaruhi keupayaan wanita untuk bergerak dalam ruang sosial dan mendapatkan bantuan sedia ada. Dalam perspektif geografi sosial, kedudukan ekonomi seseorang individu boleh mempengaruhi akses terhadap ruang, kemudahan dan perkhidmatan Ana Margarita (2021). Berikut kenyataan informan:

Copyright © Academic Inspired Network
- All rights reserved

This work is licensed under
CC BY 4.0

Volume: 11 Issues: 88 Special Issue [November, 2026] pp. 87-101
Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)
eISSN: 0128-1755
Journal website: academicinspired.com/jised
DOI: 10.55573/JISED.118807

"Menjawab kepada persoalan miss.., taraf kewangan sangat mempengaruhi kerana sebab perkara ini sering menyebabkan konflik dalam rumah tangga kami. Apabila pendapatan tidak mencukupi untuk menampung perbelanjaan keluarga, kami sering berhadapan dengan tekanan. Keadaan menjadi lebih teruk apabila terdapat hutang dan perbelanjaan yang tidak dapat dibayar. Saya juga tidak mempunyai pendapatan yang tetap dan menunggu suami gaji, jadi saya bergantung kepada suami untuk keperluan harian. Kebergantungan kewangan menyebabkan saya berasa sukar untuk membuat keputusan sendiri atau meninggalkan rumah apabila berlaku keganasan kerana saya memikirkan bagaimana saya hendak menanggung kehidupan selepas itu". (Informan 1)

"Berkenaan soalan ini miss…Saya rasa faktor kewangan memang memberikan tekanan kepada keluarga kami. Suami bekerja, tetapi pendapatan yang diperoleh tidak selalu mencukupi untuk semua keperluan. Apabila berlaku masalah kewangan, pertengkaran menjadi lebih kerap. Saya sendiri cuba membantu dengan bekerja, tetapi kadang-kadang pendapatan saya juga tidak mencukupi untuk menampung kami. Saya rasa masalah ekonomi bukan semestinya menjadi punca secara langsung, tetapi tekanan yang timbul daripada masalah kewangan boleh menyebabkan hubungan suami isteri menjadi tegang". (Informan 5)

Tekanan ekonomi dan pekerjaan yang berlaku dalam ruang bandar boleh mempengaruhi hubungan sosial dalam keluarga Nurfadilah (2024). Walau bagaimanapun, dapatan responden turut menunjukkan bahawa tekanan kehidupan tidak boleh dianggap sebagai penyebab utama keganasan rumah tangga kerana ianya cuma berinteraksi dengan faktor lain seperti hubungan kuasa, komunikasi dan norma sosial. Berikut penjelasan informan:

"Menurut saya kehidupan di kawasan bandar bagi saya agak mencabar kerana kos sara hidup tinggi di sini. Saya dan suami perlu bekerja untuk menampung keperluan keluarga. Kadang-kadang kami pulang dari kerja dalam keadaan penat dan tekanan. Apabila terdapat masalah lain seperti kewangan atau masalah anak-anak, kami selalu juga bertengkar dan berselisih faham. Saya rasa tekanan kehidupan bandar boleh mempengaruhi hubungan keluarga, tetapi ia tidak sepatutnya menjadi alasan untuk melakukan keganasan kerana kita boleh berbincang dengan cara baik". (Informan 3)

"Bagi keadaan saya miss..suami saya bekerja dalam tempoh yang panjang dan sering pulang lewat malam. Saya pula perlu menguruskan rumah dan anak-anak. Keadaan ini menyebabkan saya sering berasa terbeban dan kurang mendapat sokongan biasalah kan suri rumah ni kerjanya tak pernah habis. Apabila kami tidak dapat berkomunikasi dengan baik, masalah kecil boleh menjadi pertengkaran. Tekanan daripada pekerjaan dan kehidupan harian memang memberi kesan kadang-kadang kepada hubungan kami". (Informan 2)

Seterusnya, Dari sudut geografi sosial, tahap pengetahuan dan pendedahan maklumat mempengaruhi cara individu menggunakan ruang dan perkhidmatan yang ada. Walaupun kemudahan perlindungan ada di kawasan, kesedaran rendah dan ketiadaan maklumat memang boleh membuat wanita tidak tahu saluran bantuan yang tersedia. Jadi, faktor pendidikan dan kesedaran berhubungan tidak langsung dengan aksesibiliti perlindungan, Voith (2018). Berikut penjelasan informan:

Copyright © Academic Inspired Network
- All rights reserved

This work is licensed under
CC BY 4.0

Volume: 11 Issues: 88 Special Issue [November, 2026] pp. 87-101
Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)
eISSN: 0128-1755
Journal website: academicinspired.com/jised
DOI: 10.55573/JISED.118807

> "Bagi pendapat saya sebelum ini saya tidak begitu memahami bahawa keganasan rumah tangga bukan hanya masalah biasa apabila seseorang dipukul. Saya fikir dahulu lah kalau tiada kecederaan fizikal, perkara itu tidak dianggap sebagai keganasan sebab orang tak percaya sebab tiada bukti kan. Selepas saya membaca dan mendapatkan maklumat, saya mula memahami bahawa kawalan emosi, ugutan dan kawalan kewangan juga boleh menjadi bentuk keganasan dan layak mendapatkan bantuan perlindungan walaupun mental kita saja terjejas."
>
> (Informan 4)

> "Saya mempunyai tahap pendidikan yang sederhana dan sebelum ini saya tidak banyak terdedah kepada maklumat mengenai keganasan rumah tangga ini. Saya hanya mengetahui tentang laporan polis kalau dipukul didera.. Saya tidak begitu tahu mengenai perkhidmatan lain seperti bantuan kaunseling atau pusat sokongan. Selepas saya mencari maklumat sendiri di internet, barulah saya tahu bahawa terdapat beberapa bentuk bantuan yang boleh didapati apapun zaman sekarang semua boleh diperolehi dengan carian maklumat di telefon." (Informan 2)

Bagi faktor budaya dan norma masyarakat mempunyai pengaruh terhadap keputusan wanita untuk mendedahkan pengalaman keganasan rumah tangga. Daripada jawapan-jawapan responden yang diperoleh dirumuskan bahawa nilai kekeluargaan, stigma sosial, pandangan terhadap peranan isteri dan keinginan untuk menjaga maruah keluarga boleh menyebabkan wanita memilih untuk berdiam diri. Berdasarkan perspektif geografi gender dan geografi sosial, norma budaya membentuk pengalaman wanita terhadap ruang domestik dan ruang sosial. Berikut kenyataan informan:

"Kalau dalam budaya keluarga saya, masalah rumah tangga dianggap sebagai masalah peribadi. Pandangan oleh keluarga saya banyak diajar bahawa seorang isteri perlu menjaga maruah keluarga dan tidak menceritakan masalah kepada orang lain. Disebabkan pemikiran itu, saya mengambil masa yang lama untuk bercakap dengan orang lain tentang masalah dan selalunya saya pendam sendiri tapi disebabkan itu saya selalu tertekan. Saya takut dan malu dengan keluarga akan dipandang buruk sekiranya orang mengetahui apa yang berlaku." (Informan 1)

"Menjawab kepada persoalan miss..Saya rasa pandangan masyarakat memang mempengaruhi wanita untuk bercerita tentang masalah sebab ada orang yang akan bertanya mengapa kita tidak bersabar atau mengapa kita tidak cuba menyelamatkan perkahwinan dan kenapa harus pihak luar campur tangan. Soalan seperti itu membuatkan saya sebagai wanita berasa bersalah. Kadang-kadang saya takut untuk bercakap kerana bimbang akan dipersalahkan." (Informan 6)

Kesimpulan

Secara keseluruhan, kajian ini turut menyumbang kepada pengembangan ilmu geografi manusia dan geografi sosial dengan menghubungkan isu keganasan rumah tangga kepada ruang dan persekitaran. Kajian ini mengisi lompang kajian berkaitan keganasan rumah tangga berasaskan pendekatan geografi dan perlindungan serta dapat dijadikan rujukan oleh pihak bertanggungjawab seperti kerajaan, agensi berkaitan, badan bukan kerajaan (NGO) dan penyelidik pada masa hadapan dalam usaha memperkukuh sistem perlindungan terhadap mangsa keganasan rumah tangga. Pendekatan holistik yang mengambil kira faktor sosial serta menyediakan perlindungan adalah penting dalam usaha mencegah dan menangani isu keganasan rumah tangga di Klang. Akhir sekali, hasil kajian ini diharapkan dapat menyumbang kepada pembangunan dasar dan penyediaan perkhidmatan perlindungan yang lebih berkesan,

Copyright © Academic Inspired Network
- All rights reserved

This work is licensed under
CC BY 4.0

Volume: 11 Issues: 88 Special Issue [November, 2026] pp. 87-101
Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)
eISSN: 0128-1755
Journal website: academicinspired.com/jised
DOI: 10.55573/JISED.118807

mudah diakses dan memenuhi keperluan wanita yang mengalami keganasan rumah tangga. Kerjasama antara agensi kerajaan, organisasi bukan kerajaan, dan komuniti setempat diperlukan untuk membangunkan strategi yang terperinci dan komprehensif.

Sumber Rujukan

Anderberg, D., Rainer, H., Wadsworth, J., & Wilson, T. (2015). Unemployment and domestic violence: Theory and evidence. The Economic Journal, 126 (597), 1947-1979.

Babovic, M., Pavlovic, O., Ginic, K., Karadinovic, N. (2013). Study of prevalence of violence against women in Bosnia and Herzegovina. The Agency for Gender Equality of

Bosnia and Herzegovina. Bornstein, R. F. (2006). The complex relationship between dependency and domestic violence: Converging psychological factors and social forces. American Psychologist, 61(6), 595.

Butchart, A., Garcia-Moreno, C., & Mikton, C. (2010). Preventing intimate partner and sexual violence against women: Taking action and generating evidence. Geneva, World Health Organization.

Caldwell, S. (2012). Statistics unplugged. Wadsworth: Cengage Learning.

Cao, Y., Li, L., Zhao, X., Zhang, Y., Guo, X., Zhang, Y., & Luo, X. (2016). Effects of exposure to domestic physical violence on children's behavior: a Chinese community-based sample. Journal of child & adolescent trauma, 9(2), 127-135.

Chua, Y. P. (2016). Mastering research methods (2nd Ed). McGraw-Hill educated Creswell,

J. W., & Creswell, J. D. (2018). Research design: Qualitative, quantitative, and mixed methods approaches. Sage publications.

Ekhtiari, Y. S., Shojaeizadeh, D., Foroushani, A. R., Ghofranipour, F., & Ahmadi, B. (2014). Effect of an intervention on attitudes towards domestic violence among Iranian

Elebani, 2015 Attitudes to and perceptions of domestic violence against women in an Arab community: a case study of Libyan migrants in the UK. Ph.D Dissertation, Manchester Metropolitan University.

Fiore Lerner, C., & Kennedy, L. T. (2000). Stay-Leave Decision Making in Battered Women: Trauma, Coping and Self-Efficacy. Cognitive Therapy and Research, 24, 215-232.

Flury, M., & Nyberg, E. (2010). Domestic violence against women: definitions, epidemiology, risk factors and consequences. Swiss medical weekly, 140(3536).

Gibbs, A., Sikweyiya, Y., & Jewkes, R. (2014). 'Men value their dignity': securing respect and identity construction in urban informal settlements in South Africa. Global health action, 7(1), 23676.

Hausmann, R., Tyson, L. D., & Zahidi, S. (2011). The global gender gap report 2011: Rankings and scores. In Geneva: World Economic Forum: World Economic Forum.

Hederos, K., & Stenberg, A. (2019). Gender identity and relative income within householdsevidence from Sweden. Swedish Institute for Social Research (SOFI)

Hussain, M. (2012), "Descriptive statistics –presenting your results I",The Journal of the Pakistan Medical Association, Vol. 62 No. 7, p. 741.

Hwang, Y. (2017). What Is the Cause of Graduates' Unemployment? Focus on Individual Concerns and Perspectives. Journal of Educational Issues, 3(2), 1-10.

Jameel, B., & Majid, U. (2018). Research fundamentals: Data collection, data analysis, and ethics. Undergraduate Research in Natural and Clinical Science and Technology Journal, 2, 1-8. Khairunisak.

JKM, (2022), Statistik jenayah keganasan rumah tangga dan keganasan terhadap wanita, 38-39.

https://www.jkm.gov.my/jkm/uploads/files/Bahagian%20Kawalan%20Standard/Laporan%20Statistik%202022.pdf

Copyright © Academic Inspired Network - All rights reserved

This work is licensed under CC BY 4.0

Volume: 11 Issues: 88 Special Issue [November, 2026] pp. 87-101
Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)
eISSN: 0128-1755
Journal website: academicinspired.com/jised
DOI: 10.55573/JISED.118807

H., Zaridah, S., Hasanain, F. G., & Zaleha, M. I. (2017). Prevalence, risk factors, and complications of violence against pregnant women in a hospital in Peninsular Malaysia. Women & health, 57(8), 919-941.

Khosravizadegan, F., Azizi, F., Khosravi Zadegan, Z., & Morvarid, M. (2008). Domestic violence against women in Bushehr province. European Psychiatry, 23, S276.

Lenze, J., & Klasen, S. (2016). Does women's labor force participation reduce domestic violence? Evidence from Jordan. Feminist Economics, 23(1), 1-29.

McCue, M. L. (2008). Domestic Violence: A Reference Handbook. Santa Barbara, California: Abc-Clio. Ministry of Health and Population (MOHP) [Nepal], New ERA, and ICF International Inc. (2012). Nepal Demographic and Health Survey 2011. Kathmandu, Nepal.

Nguyen, H., Hanley, C. & Viljoen, R. 2012. Domestic and family violence: awareness, attitudes and experiences. Neumayer, E., & Plumper, T. (2017). Robustness tests for quantitative research. Cambridge University Press.

Noor Aziah, M. A., (2012). "Pembelaan Hak Wanita Melalui Undang-undang di Malaysia, slide wacana Hadhari Siri Keempat" https://www.ukm. my/hadhari/sites.

Nor Aini, A. (2006). Peranan Undang-Undang Keluarga Ke Arah Pencegahan Keganasan Rumah Tangga: Akta Keganasan Rumah Tangga 1994. Fakulti Undang-Undang: Universiti Malaya.

Norasikin, M. (2002). Domestic violence towards women: prevalence and the factors associated with it among women at outpatient department. Malaysian Journal of Public Health Medicine, 2(1).

NurFadhilah, Y. (2014). Kesan emosi yang dihadapi oleh wanita yang bercerai akibat keganasan rumah tangga: Satu kajian di negeri Johor. J

Copyright © Academic Inspired Network - All rights reserved

This work is licensed under CC BY 4.0